



## **ANUGERAH MEDIA RIBEN MERAH IKTIRAF KECEMERLANGAN DALAM KEWARTAWANAN HIV/AIDS**

---

**Petaling Jaya, 20 April** – Pengamal media di Malaysia bakal diraikan dalam majlis berprestij Anugerah Media Riben Merah 2012 yang berlangsung pada 12 Mei 2012 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Anugerah yang dipersembahkan oleh Majlis AIDS Malaysia (MAM) itu mengiktiraf kecemerlangan dalam bidang kewartawanan dan kreatif dalam menangani epidemik HIV/AIDS di Malaysia.

Anugerah Media Riben Merah bermula pada tahun 1996 menerusi inisiatif Yayasan AIDS Malaysia (YAM) sebagai tanda penghargaan atas peranan pihak Media dalam meningkatkan kesedaran awam tentang HIV/AIDS. Kali terakhir disampaikan empat tahun yang lalu, Anugerah kembali pada tahun ini untuk meraikan kejayaan usaha sama yang terjalin antara MAM dan agensi-agensi Media di seluruh negara.

“Biarpun sudah lebih dua puluh lima tahun epidemik HIV/AIDS berada di negara ini, saya amat kecewa kerana stigma masih lagi menjadi ‘musuh’ utama orang yang hidup dengan HIV. Saya berharap agar Anugerah ini menjadi pembakar semangat rakan-rakan media kami untuk meneruskan perjuangan dalam menyebarkan kebenaran tentang HIV dan menghapuskan stigma,” ulas Tan Sri Mohd Zaman Khan, Presiden MAM, di satu sidang media untuk memperkenalkan barisan Selebriti Sokongan Riben Merah MAM yang baharu selain mengumumkan majlis Anugerah Media Riben Merah 2012, di ECOBA Restaurant & Bar di sini.

Tiga kategori akan dipertandingkan, iaitu Media Cetak, Media Penyiaran dan Media Bukan Tradisional (media digital, internet, dan seni pentas). Pemenang setiap kategori akan ditentukan oleh panel juri berdasarkan kriteria seperti penyampaian maklumat yang tepat tentang HIV/AIDS, keberkesanan dalam menangani atau mencabar stigma berkaitan HIV/AIDS secara membina, penggunaan bahasa yang sensitif dan bersesuaian, dan keaslian serta kreativiti dalam penghasilan karya. Hadiah berupa trofi, wang tunai bernilai RM 5,000 dan sijil kecemerlangan menanti setiap pemenang.

Anugerah Media Riben Merah 2012 yang turut bersempena dengan ulang tahun kedua puluh MAM pada tahun ini menjanjikan upacara penuh gilang-gemilang yang bakal menyaksikan kehadiran tetamu kehormat khas, pengamal media, Selebriti Sokongan Riben Merah, dan kakitangan MAM, YAM serta Ahli-Ahli Gabungan. Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya merupakan penaja lokasi bagi acara ini, dengan sokongan Kuzie Catering, ECOBA Restaurant & Bar dan Hard Rock Hotel Penang.

**SIARAN AKHBAR**  
UNTUK SIARAN SEGERA



\*\*\*\*\*

**Majlis AIDS Malaysia**

Majlis AIDS Malaysia (MAM) ditubuhkan pada tahun 1992 sebagai organisasi 'payung' yang bertanggungjawab untuk menyokong dan menyelaraskan usaha-usaha organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berkerja di lapangan HIV/AIDS. MAM menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, untuk memastikan respon terhadap epidemik HIV/AIDS oleh NGO adalah komited dan efektif. Selain melaksanakan program pencegahan, rawatan, jagaan dan sokong bantu HIV di seluruh negara, MAM dan Ahli-Ahli Gabungan bertindak mewakili suara komuniti-komuniti yang terjejas oleh HIV/AIDS. Layari [www.mac.org.my](http://www.mac.org.my) untuk keterangan lanjut.

**Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:**

Jabatan Media & Komunikasi, Majlis AIDS Malaysia

Erni Zawawi	+6017-232 6756	<a href="mailto:erni@mac.org.my">erni@mac.org.my</a>
Meera Abi	+6016- 4146400	<a href="mailto:meera@mac.org.my">meera@mac.org.my</a>

[TAMAT]